

Inisiatif kerajaan mampu tarik minat pelabur

KUALA LUMPUR 15 Sept. - Inisiatif kerajaan memperkenalkan langkah proaktif bagi melindungi dan menstabilkan ekonomi negara dijangka dapat menarik lebih ramai pelabur asing dan tempatan bagi memperkukuhkan kedudukan mata wang Malaysia yang kini menghadapi ketidaktentuan ekonomi global.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, usaha tersebut dijangka dapat dilakukan secara berterusan bagi meningkatkan keyakinan pelabur untuk menjalankan aktiviti perniagaan di negara ini.

Katanya, selain itu, usaha tersebut juga dapat menangkis sentimen negatif dalam kalangan pelabur asing dan tempatan terhadap kestabilan politik negara yang bergerak seiring dengan keadaan ekonomi semasa.

"Mereka tidak selesa jika terlalu

banyak demonstrasi yang bermotifkan politik diadakan. Oleh itu, usaha kerajaan ini dapat membantu syarikat mengatasi masalah akibat kejatuhan nilai ringgit.

"Suntikan dana dan pinjaman yang disediakan dapat membantu meneruskan aktiviti perniagaan. Kita mahu perniagaan dan pekerjaan tidak terjejas serta terus berkembang setiap tahun," katanya ketika ditemui semasa menghadiri program Bicara Apa Kata Gen Y, di sini hari ini.

Program anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Universiti Kuala Lumpur (UniKL) itu diadakan bagi membincangkan pandangan dan keyakinan generasi baharu terhadap hala tuju kepem-



JOHARI ABDUL GHANI

impinan negara.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penerangan, Mohd. Sukari Ab. Hamid.

Dalam pada itu, Johari berkata, beliau menyokong tindakan kerajaan mengaktifkan semula ValueCap dengan dana RM20 bilion untuk menyokong Bursa Malay-

sia sebagai asas dalam membantu pasaran saham.

"Kita kena bantu. Jika tidak ia akan jatuh pada pelabur asing dengan harga yang murah. Ini merupakan peluang terbaik untuk bantu pasaran. Ini juga merupakan salah satu faktor yang boleh membina keyakinan dalam kalangan pelabur untuk melabur di negara ini," katanya.